

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PELAJAR MEMILIH BIDANG PENGAJIAN ISLAM: KAJIAN DI FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM, KUIS
(Factors Influencing Students in Selecting Islamic Studies Field: A Study in The Faculty of Islamic Civilization Studies, KUIS)

*Zanariah Dimon¹, Nurzatil Ismah Azizan², Nazneen Ismail², Sahlawati Abu Bakar², Hanis Najwa Shaharuddin³

¹Faculty of Syariah and Law
International Islamic University College of Selangor
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Faculty of Islamic Civilization Studies
International Islamic University College of Selangor
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

³Centre for Core Studies
International Islamic University College of Selangor
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: zanariah@kuis.edu.my

Article History:

Submit: 3 February 2017

Accepted: 6 February 2017

Revised: 21 February 2017

Published: 16 June 2017

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 1, No. 1 (2017), 50-57

Abstrak

Perkembangan pendidikan yang pesat di negara ini telah membuka banyak peluang kepada pelajar lepasan menengah untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Proses membuat pemilihan tempat dan kursus juga menjadi semakin sukar kerana institusi pengajian tinggi menawarkan pelbagai pilihan program berkualiti dan berdaya saing. Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif iaitu, memfokuskan kepada instrumen soal selidik. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor tarikan pelajar memilih program pengajian di peringkat sarjana muda dalam bidang pengajian Islam di Fakulti Pengajian Peradaban Islam serta menganalisis persepsi pelajar selepas mengikuti pengajian. Kajian ini melibatkan 145 pelajar Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Dapatan kajian menunjukkan faktor utama tarikan pemilihan pelajar dalam bidang pengajian Islam adalah kerana program pengajian yang ditawarkan mempunyai kesepaduan ilmu dunia dan akhirat. Manakala hasil kajian terhadap penggunaan medium maklumat program pengajian di Fakulti Pengajian Peradaban Islam adalah melalui rakan diikuti kaunselor sekolah, dan sumber internet. Seterusnya, persepsi pelajar Fakulti Pengajian Peradaban Islam menunjukkan mereka mempunyai kebolehpercayaan terhadap reputasi KUIS dalam melahirkan graduan yang cemerlang dan berkualiti. Secara keseluruhannya, analisis dapatan menunjukkan kualiti program yang menepati keperluan penghayatan ilmu, iman, dan amal adalah antara faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar ke program pengajian dalam bidang pengajian Islam di Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS.

Kata Kunci: Faktor, Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Abstract

The rapid development in this country has opened many opportunities for secondary school leavers to pursue their study at a higher level. The selection process of place and course of study has also become more challenging as higher learning institutions offer variety of quality and competitive programs. The study is quantitative in nature which focussed on the questionnaire instrument. The core objective of this study is to identify the pull factors among the students in selecting first degree study program in Islamic studies field in the Faculty of Islamic Civilization Studies as well as analysing the students' perception after the enrolling in the studies. The study involved 145 students of the Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). The study findings showed the main pulling factor among the students in selecting Islamic studies field was because the study program offers the integration between the worldly knowledge and the hereafter. Meanwhile the study findings regarding the medium of information about the study program in the Faculty of Islamic Civilization Studies was through friends followed by school councillors and internet source. Next, the perception of the students of the Faculty of Islamic Civilization Studies showed they believe in the KUIS credibility in producing excellent and quality graduates. All in all, the findings analysis showed one of the factors that influenced students in selecting study

program in Islamic studies field in the Faculty of Islamic Civilization Studies, KUIS was the program quality meet the needs for knowledge, faith and practice appreciation

Keywords: Factor, Islamic studies, Faculty of Islamic Civilization Studies

1.0 PENGENALAN

Tarikan utama pemilihan pelajar lepasan sekolah menengah untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi banyak bergantung kepada faktor-faktor penarik yang ditawarkan oleh sesebuah institusi pengajian tinggi. Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) di KUIS adalah fakulti yang menawarkan program pengajian peringkat diploma, sarjana muda, dan sarjana yang berteraskan pengajian Islam. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan mengenai hasil kajian yang telah dijalankan berkaitan faktor dan persepsi pelajar memilih program pengajian di peringkat sarjana muda di Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

- i. Mengenal pasti faktor-faktor tarikan pelajar memilih program-program sarjana muda yang ditawarkan di FPPI.
- ii. Mengenal pasti medium yang digunakan oleh pelajar untuk mendapatkan maklumat mengenai program-program yang ditawarkan di FPPI.
- iii. Menjelaskan persepsi pelajar terhadap program-program yang ditawarkan di FPPI selepas diterima masuk.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang melibatkan pengedaran soal selidik kepada responden. Pemilihan peserta kajian telah dibuat berdasarkan cadangan Gay(1996), menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang bermaksud sampel kajian dipilih dengan tujuan tertentu. Peserta kajian melibatkan pelajar sarjana muda yang telah mengikuti pengajian di Fakulti Pengajian Peradaban Islam, iaitu telah mendaftar pada sesi 2014/2015 dan sedang menjalani proses pembelajaran di Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Prosedur pemilihan sampel pula adalah dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak strata. Bagi data kuantitatif yang melibatkan soal selidik, teknik yang dipilih ialah teknik pensampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*). Kesemua pelajar telah dibahagikan kepada tujuh program pengajian, iaitu Sarjana Muda Syariah dengan Undang-undang (SMSU), Sarjana Muda Usuluddin dengan Multimedia (SMUM), Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat (SMAQ), Sarjana Muda Dakwah dengan Pengurusan Sumber Insan (SMDPSI), Sarjana Muda Bahasa Arab Terjemahan (SMBAT) dan Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (SMBASBK). Pemilihan sampel juga menggunakan teknik memilih sampel berdasarkan peratus pelajar sebenar dalam ketujuh-tujuh program pengajian tersebut (*proportionate sampling*).

Pengkaji membuat pemilihan sampel dengan menggunakan jadual Krejcie & Morgan (1970), iaitu sampel yang digunakan adalah berdasarkan tahap kebolehpercayaan 95%. Pelajar bagi ketujuh-tujuh program itu dianggarkan dalam 230 orang pelajar. Mengikut jadual Krejcie & Morgan (1970) sampel yang dicadangkan bagi jumlah populasi tersebut ialah seramai 145 orang pelajar.

Jadual 1 Nilai alpha cronbach dan kebolehpercayaan alat ukuran

Nilai alpha cronbach (α)	Indikator
>0.90	Sangat Tinggi
0.70 – 0.89	Tinggi
0.30 – 0.69	Sederhana
<0.29	Rendah

Sumber: Kirk, 1984; Babbie, 1992

Ujian kebolehpercayaan dilakukan bagi menguji kebolehpercayaan alat ukuran yang digunakan. Mengikut kaedah statistik, semakin hampir nilai *Alpha Cronbach* (α) kepada 1, maka semakin tinggi ketekalan dalamannya. Jadual 1 menunjukkan nilai kebolehpercayaan alat ukuran.

Hasil kajian rintis yang telah dilaksanakan terhadap 24 orang pelajar semester dua SMSU mencatatkan keputusan *Alpha Cronbach* (α) seperti dalam Jadual 3. Manakala bagi parameter pengukuran min penjelasannya seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Parameter pengukuran min

Skor min	Interpretasi
4.01- 5.00	Sangat Tinggi
3.01 – 4.00	Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana
1.00-2.00	Rendah

Sumber: Azhar Ahmad, 2006

Jadual 3 Keputusan ujian kebolehppercayaan alat ukuran kajian rintis faktor pemilihan pelajar ke program Sarjana Muda di FPPI, KUIS

Bil	Item	Nilai alpha	Indikator
1	Faktor Tarikan Pelajar Ke Program-Program Pengajian Sarjana Muda Di FPPI.	.914	Sangat Tinggi
2	Persepsi Pelajar Terhadap Program Pengajian Di FPPI	.656	Sederhana

Sumber : Rintis 2 Disember, 2014

Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 21.0. Analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai bagi menentukan faktor pemilihan dan persepsi pelajar terhadap KUIS. Analisis korelasi pearson dijalankan bagi mengenal pasti hubungan faktor pemilihan pelajar dan persepsi pelajar terhadap program pengajian di Fakulti Pengajian Peradaban Islam.

4.0 PROFIL DEMOGRAFI RESPONDEN

Kajian ini melibatkan pelajar FPPI, KUIS seramai 145 orang dengan demografi seperti jantina, tempat tinggal, kelayakan, program pengajian, dan pilihan dalam memilih KUIS. Profil demografi kajian dipaparkan seperti Jadual 4 berikut.

Jadual 4 Profil Demografi Pelajar KUIS

Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	53	36.6%
Perempuan	92	63.4%
Tempat Tinggal		
Selangor	47	32.4%
Luar Selangor	98	67.6%
Kelayakan		
STAM	46	31.7%
STPM	10	6.9%
Asasi Kuis	76	52.4%
Diploma Kuis	3	2.1%
Diploma IPT Lain	10	6.9%
Program Pengajian		
BI01	43	29.7%
BI02	31	21.4%
BI03	19	13.1%
BI04	6	4.1%
BI05	20	13.8%
BC03	6	4.1%
BC01	20	13.8%
Pilihan		
Pertama	42	29.0%
Kedua	66	45.5%

Ketiga	21	14.5%
Keempat	4	2.8%
Kelima	12	8.3%

Sumber: Soal Selidik 2014

Jadual 4 menunjukkan jantina seramai 53 orang (36.6%) ialah pelajar lelaki FPPI, KUIS dan seramai 92 orang (63.4%) ialah pelajar perempuan FPPI, KUIS. Berdasarkan tempat tinggal, seramai 47 orang (32.4%) tinggal di Selangor dan seramai 98 orang (67.6%) tinggal di luar Selangor. Berdasarkan kelayakan pula, seramai 46 orang (31.7%) berkelayakan Sijil Tinggi Agama Menengah (STAM), seramai 10 orang (6.9%) berkelayakan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), seramai 76 orang (52.4%) berkelayakan asasi KUIS, seramai 3 orang (2.1%) berkelayakan Diploma KUIS dan seramai 10 orang (6.9%) berkelayakan Diploma di Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang lain. Seterusnya, berdasarkan program pengajian, seramai 43 orang (29.7%) mengambil jurusan BI01 Sarjana Muda Syariah dengan Undang-undang, seramai 31 orang (21.4%) mengambil jurusan BI02 Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Sunah dengan Komunikasi, seramai 19 orang (13.1%) mengambil jurusan BI03 Sarjana Muda Usuluddin dengan Multimedia, seramai 6 orang (4.1%) mengambil jurusan BI04 Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat, seramai 20 orang (13.8%) mengambil jurusan BI05 Sarjana Muda Dakwah dengan Pengurusan Sumber Insan, seramai 6 orang (4.1%) mengambil jurusan BC03 Sarjana Muda Bahasa Arab Terjemahan dan seramai 20 orang (13.8%) mengambil jurusan BC01 Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. Selanjutnya, berdasarkan KUIS menjadi pilihan ke berapa, seramai 42 orang (29.0%) menjadikan KUIS pilihan pertama untuk memasuki IPT, seramai 66 orang (45.5%) menjadikan KUIS pilihan kedua untuk memasuki IPT, seramai 21 orang (14.5%) menjadikan KUIS pilihan ketiga untuk memasuki IPT, seramai 4 orang (2.8%) menjadikan KUIS sebagai pilihan keempat untuk memasuki IPT dan seramai 12 orang (8.3%) menjadikan KUIS sebagai pilihan kelima untuk memasuki IPT.

5.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Analisis dapatan kajian secara terperinci dipaparkan seperti berikut.

5.1 Faktor Tarikan Pelajar Memilih Program Sarjana Muda di FPPI

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan bagi menentukan faktor tarikan pelajar memilih program Sarjana Muda dalam bidang pengajian Islam di FPPI.

Jadual 5 mendapati bahawa setiap item bagi faktor tarikan pelajar KUIS memilih Program Sarjana Muda di FPPI berada pada tahap rendah, sederhana, dan tinggi. Nilai min yang paling tinggi dicapai oleh item 19 (Program pengajian di FPPI sesuai sebagai medium untuk mendalami ilmu agama) iaitu nilai min = 4.53 dengan sisihan piawai = 0.55. Diikuti dengan item 17 (Silibus yang ditawarkan mempunyai kesepaduan ilmu dunia dan akhirat) dengan nilai min = 4.50 dengan sisihan piawai = 0.54. Manakala item yang mendapat nilai min sederhana iaitu item 7 (KUIS menyediakan kemudahan asrama yang selesa) dengan nilai min = 3.34 dengan sisihan piawai = 3.58. Begitu juga dengan item 8 yang mendapat nilai min sederhana (Saya cenderung memilih melanjutkan pengajian di KUIS kerana berminat dengan Ust Don Daniyal Don Biyajid) dengan nilai min = 3.08 dengan sisihan piawai = 1.17. Terdapat satu item yang mendapat nilai min rendah iaitu pada item 1 (Saya memilih untuk melanjutkan pengajian di KUIS kerana yuran pengajian yang berpatutan berbanding universiti yang lain) dengan nilai min = 2.27 dengan sisihan piawai = 0.94. Namun, pada keseluruhannya, nilai min bagi faktor tarikan pelajar KUIS memilih Program Sarjana Muda di FPPI berada pada tahap tinggi iaitu dengan mencatatkan nilai min = 3.96 dengan sisihan piawai = 0.42.

Jadual 5 Faktor Tarikan Pelajar KUIS Memilih Program Sarjana Muda di FPPI

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Saya memilih untuk melanjutkan pengajian di KUIS kerana yuran pengajian yang berpatutan berbanding universiti yang lain.	2.27	0.94	Rendah
2.	Saya mudah diterima masuk ke KUIS kerana syarat kemasukan yang minimum.	3.85	0.80	Tinggi
3.	KUIS mempunyai persekitaran yang selamat.	4.11	0.77	Tinggi
4.	Lokasi KUIS yang strategik memudahkan saya untuk mendapatkan maklumat pembelajaran.	3.79	0.87	Tinggi
5.	KUIS menawarkan program yang diiktiraf.	4.39	0.59	Tinggi

6.	KUIS membuka peluang mendapatkan bantuan kewangan dalam tempoh pengajian.	3.87	0.82	Tinggi
7.	KUIS menyediakan kemudahan asrama yang selesa.	3.34	3.58	Sederhana
8.	Saya cenderung memilih melanjutkan pengajian di KUIS kerana berminat dengan Ust Don Daniyal Don Biyajid.	3.08	1.17	Sederhana
9.	Saya memilih FPPI sebagai tempat pengajian kerana kakitangan akademiknya yang berkecayaan.	3.90	0.83	Tinggi
10.	Kakitangan akademik FPPI terdiri daripada mereka yang berpengalaman.	4.17	0.79	Tinggi
11.	FPPI menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang lengkap.	3.86	0.79	Tinggi
12.	Program pengajian di FPPI memudahkan untuk mendapatkan pekerjaan.	3.94	0.71	Tinggi
13.	Program pengajian di FPPI menggunakan bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar.	4.32	0.72	Tinggi
14.	Saya boleh menamatkan pengajian di FPPI dalam tempoh yang ditetapkan.	4.30	0.66	Tinggi
15.	Program pengajian di FPPI memberi peluang latihan industri dalam tempoh pengajian sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan.	4.03	0.69	Tinggi
16.	Pengajaran dan pembelajaran di FPPI menggunakan teknologi terkini.	3.68	0.79	Tinggi
17.	Silabus yang ditawarkan mempunyai kesepaduan ilmu dunia dan akhirat.	4.50	0.54	Tinggi
18.	Program pengajian yang ditawarkan bersesuaian dengan kerjaya yang diinginkan.	4.26	0.65	Tinggi
19.	Program pengajian di FPPI sesuai sebagai medium untuk mendalami ilmu agama.	4.53	0.55	Tinggi
20.	Program pengajian di FPPI setara dengan program pengajian di IPT yang lain	4.10	0.78	Tinggi
21.	Saya berminat memilih program pengajian di FPPI kerana pengaruh aliran pendidikan di peringkat menengah.	4.08	0.85	Tinggi
22.	Program pengajian di FPPI memberi peluang kepada saya untuk menyambung pengajian ke Timur Tengah.	3.88	0.91	Tinggi
23.	Program pengajian di FPPI membolehkan saya menghafaz Al-Quran	4.40	0.63	Tinggi
24.	Program pengajian di FPPI membolehkan saya merujuk kitab-kitab muktabar.	4.47	0.66	Tinggi
	Min Keseluruhan	3.96	0.42	Tinggi

Sumber: Soal selidik 2014

5.2 Medium yang Digunakan oleh Pelajar KUIS untuk Mendapatkan Maklumat Program Pengajian KUIS

Hasil medium yang digunakan oleh pelajar KUIS untuk mendapatkan maklumat program pengajian KUIS dipersembahkan dalam bentuk kekerapan dan peratusan.

Jadual 6 Medium Sumber Maklumat Program Pengajian KUIS bagi pelajar KUIS

Medium	Kekerapan	Peratusan
Ibu bapa		
Ya	54	37.2%
Tidak	91	62.8%
Rakan		
Ya	93	64.1%
Tidak	52	35.9%
Laman Sesawang KUIS		
Ya	72	49.7%
Tidak	73	50.3%
Internet		
Ya	69	47.6%
Tidak	76	52.4%
Majalah		
Ya	14	9.7%
Tidak	131	90.3%

Surat Khabar		
Ya	22	15.2%
Tidak	123	84.8%
Radio		
Ya	7	4.8%
Tidak	138	95.2%
Televisyen		
Ya	6	4.1%
Tidak	139	95.9%
Kaunselor Sekolah		
Ya	8	5.5%
Tidak	137	94.5%
Team Promosi KUIS		
Ya	22	15.2%
Tidak	123	84.8%

Sumber: Soal Selidik 2014

Jadual 6 menunjukkan medium-medium yang digunakan oleh pelajar bagi mengetahui maklumat program pengajian di KUIS. Medium yang paling tinggi yang digunakan ialah melalui rakan iaitu seramai 93 orang (64.1%). Seterusnya, kedua tinggi iaitu melalui laman sesawang KUIS iaitu seramai 72 orang (49.7%) yang menggunakannya. Internet juga antara tertinggi yang digunakan oleh pelajar KUIS iaitu seramai 69 orang (47.6%). Medium yang paling rendah digunakan untuk mengetahui maklumat program pengajian di KUIS ialah televisyen iaitu seramai 6 orang (4.1%), radio iaitu seramai 7 orang (4.8%) dan kaunselor sekolah iaitu seramai 8 orang (5.5%).

5.3 Persepsi Pelajar KUIS Terhadap Program Pengajian di FPPI

Bagi melihat persepsi pelajar KUIS terhadap program pengajian di FPPI, analisis deskriptif telah digunakan untuk mentafsir data yang telah dikumpul. Hasil analisis deskriptif ini dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mengandungi nilai min dan sisihan piawai.

Jadual 7 Persepsi Pelajar KUIS Terhadap Program Pengajian di FPPI

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Program pengajian di FPPI mampu mengubah diri saya menjadi lebih baik.	4.37	0.61	Tinggi
2.	Program pengajian di FPPI mempunyai reputasi yang baik dalam kalangan masyarakat.	4.26	0.74	Tinggi
3.	FPPI berupaya melahirkan graduan yang cemerlang.	4.72	4.52	Tinggi
4.	Program pengajian di FPPI berupaya menyediakan peluang kerjaya.	4.22	0.73	Tinggi
5.	Program pengajian di FPPI memenuhi keperluan pasaran.	4.00	0.75	Tinggi
6.	Saya berhasrat tidak menukar tempat pengajian selepas beberapa semester pengajian di KUIS.	3.61	1.10	Sederhana
7.	Selepas menamatkan ijazah Sarjana Muda, saya akan melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana di KUIS.	2.94	0.84	Sederhana
8.	Saya menggalakkan rakan-rakan saya menyambung pengajian di KUIS.	3.75	1.15	Tinggi
	Min Keseluruhan	3.98		Tinggi

Sumber: Soal Selidik 2014

Jadual 7 mendapati bahawa setiap item bagi persepsi pelajar KUIS terhadap program pengajian di FPPI mencapai min yang tinggi dan sederhana. Nilai min yang paling tinggi dapat dicapai pada item 3 (FPPI berupaya melahirkan graduan yang cemerlang) iaitu dengan nilai min = 4.72 dengan sisihan piawai = 4.72. Seterusnya, item 1 (Program pengajian di FPPI mampu mengubah diri saya menjadi lebih baik) juga mendapat nilai min yang tinggi iaitu dengan nilai min = 4.37 dengan sisihan piawai = 0.61. Item yang mendapat nilai min yang paling rendah tetapi berada pada nilai min yang sederhana ialah item 7 (Selepas menamatkan ijazah Sarjana Muda, saya akan melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana di KUIS) dengan nilai min = 2.94 dengan sisihan piawai = 0.84. Keseluruhannya, min persepsi pelajar KUIS terhadap

program pengajian di FPPI berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min = 3.98 dengan sisihan piawai = 0.74.

5.4 Hubungan Faktor Tarikan Pelajar KUIS Memilih Program Sarjana Muda FPPI dengan Persepsi Pelajar KUIS Terhadap Program Pengajian di FPPI

Analisis korelasi Pearson dijalankan bagi menentukan hubungan faktor tarikan pelajar KUIS memilih Program Sarjana Muda di FPPI dengan persepsi pelajar KUIS terhadap program pengajian di FPPI. Hasil analisis korelasi Pearson tersebut seperti Jadual 8 berikut:

Jadual 8 Analisis Korelasi Pearson hubungan faktor tarikan pelajar KUIS memilih Program Sarjana Muda di Akademi Islam dengan persepsi pelajar KUIS terhadap program pengajian di FPPI

Hubungan	Persepsi Pelajar		Interpretasi
	r	Sig.	
Faktor Tarikan	0.464	0.000	Sederhana

Sumber: Soal Selidik 2014

Jadual 8 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan faktor tarikan pelajar KUIS memilih Program Sarjana Muda di FPPI dengan persepsi pelajar KUIS terhadap program pengajian di Akademi Islam dengan nilai $r = 0.464$ dan $\text{sig} = 0.000$ ($p < 0.05$). Kekuatan hubungan ialah positif sederhana.

6.0 PERBINCANGAN

Hasil analisis yang dijalankan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam memilih program pengajian Islam di peringkat sarjana muda di FPPI mendapati faktor utama pemilihan pelajar adalah kerana program yang ditawarkan mempunyai kesepaduan ilmu dunia dan akhirat. Jelas bahawa dalam memilih sesebuah program pengajian pelajar bukan sahaja melihat aspek fizikal program, tetapi sangat mementingkan hasil yang mampu dicorakkan oleh institusi terutama dalam pembangunan dan pembentukan sahsiah pelajar. Faktor pemilihan pelajar tidak semata-mata menumpukan kepada perakuan akreditasi oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan sifat fizikal institusi (Rahmatunnisah et al, 2014).

Namun, faktor yuran merupakan faktor yang paling rendah penyebab kepada faktor tarikan pemilihan pelajar dengan mendapat nilai min = 2.94 dengan sisihan piawai = 0.94. Hal ini kerana, yuran KUIS adalah tinggi berbanding dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Faktor ini menunjukkan pelajar turut perihatin terhadap bebanan masalah kewangan yang mereka dan keluarga mereka akan hadapi. Tanpa mengira sama ada, mereka mendapat pinjaman pelajaran atau tidak. Menurut M. Y. Yuzainee et al. (2011), yuran pengajian yang dikenakan di sesebuah institusi pengajian tinggi perlu selaras dengan kualiti program dan perkhidmatan prasana yang ditawarkan.

Walaupun begitu, terdapat juga item yang mendapat min yang sederhana, iaitu pada item 7 di mana KUIS menyediakan kemudahan asrama yang selesa. Oleh itu, kemudahan asrama perlu dipertingkatkan lagi keselesaan kepada para pelajar. Hal ini kerana, kos kediaman pelajar yang munasabah dan mampu juga mempengaruhi kepuasan pelajar di IPT (Abdul Hair et al, 2012). Tambahan lagi, kebersihan dalam bilik air dan perkhidmatan dobi yang berpatutan merupakan item kepuasan pelajar terhadap penyediaan tempat penginapan. Selain itu, perkhidmatan mengakses internet serta perabot yang mencukupi di bilik tidur merupakan kemudahan penginapan yang sangat penting kepada pelajar.

Item 8 juga mendapat nilai min yang sederhana, iaitu pemilihan ikon yang popular menjadi faktor pemilihan program pengajian di KUIS. Keputusan analisa ini menunjukkan kematangan pelajar dalam menentukan masa depan mereka. Keadaan ini menunjukkan, ikon atau selebriti bukan lah menjadi faktor utama tarikan pelajar dalam memilih program pengajian di sesuatu IPT.

Berdasarkan hasil kajian juga, medium paling tinggi yang memberi sumber maklumat program pengajian KUIS adalah melalui rakan. Seramai 93 orang (64.1%) pelajar KUIS mengetahui program pengajian yang ditawarkan di KUIS melalui rakan. Medium yang paling rendah digunakan oleh pelajar KUIS ialah melalui media elektronik seperti televisyen iaitu seramai 6 orang (4.1%) dan radio seramai 7 orang (4.8%). Ini bertepatan dengan kajian yang menunjukkan pelajar-pelajar memilih kursus pengajian berdasarkan pengiklanan dan promosi yang dilaksanakan oleh pihak terlibat (Noorziha Jusoh, 2006). Justeru, pihak KUIS, perlu meningkatkan lagi promosi media massa dalam mengiklankan program pengajian di KUIS. Selain itu, kaunselor sekolah juga merupakan medium yang paling rendah digunakan oleh pelajar KUIS iaitu seramai 8 orang (5.5%).

Sementara itu, persepsi pelajar KUIS terhadap program pengajian di FPPI mendapat nilai min yang tinggi iaitu 3.98 dengan sisihan piawai = 0.74. Item yang mendapat nilai min yang tinggi ialah item 3 iaitu FPPI berupaya melahirkan graduan yang cemerlang. Begitu juga dengan item 1 yang mana item ini mendapat nilai min = 4.71 iaitu program pengajian di FPPI mampu mengubah diri saya menjadi lebih baik. Hal ini menunjukkan, persepsi pelajar KUIS kepada KUIS itu sendiri menekankan aspek agama yang menyepadukan dua ilmu iaitu ilmu dunia dan ilmu akhirat. Menurut Parasuraman et al. (1988), persepsi ialah kebolehpercayaan seseorang individu kepada objek yang dilihat dan bagaimana keadaan persekitaran mempengaruhinya. Kajian ini menunjukkan pelajar KUIS mempunyai kebolehpercayaan kepada KUIS yang dapat melahirkan graduan yang cemerlang dan pelajar dapat berubah ke arah yang lebih baik. Persepsi yang mendapat nilai min yang rendah iaitu pada item 7 di mana pelajar KUIS kurang berminat untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana di KUIS. Data tersebut menunjukkan pelajar masih tidak memberi kebolehpercayaan kepada KUIS dalam melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana.

Analisis kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan antara faktor yang mempengaruhi pelajar KUIS memilih program sarjana muda di FPPI dengan persepsi pelajar KUIS terhadap program pengajian di FPPI. Kajian menunjukkan bahawa faktor silibus yang ditawarkan dalam program pengajian di FPPI mempunyai kesan terhadap diri seseorang pelajar dalam mencorakkan diri mereka selepas menamatkan pengajian. Kursus pengajian yang ditawarkan dalam program FPPI, membawa kepada kebolehpasaran para pelajar. Pelajar FPPI mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap program pengajian yang ditawarkan oleh FPPI. Mereka memahami bahawa dengan memperbaiki ke arah lebih baik, maka manfaat lain seperti wujudnya jaminan kualiti, graduan FPPI dari segi sahsiah dan ilmu pengetahuan. Jaminan ini dilihat, mempunyai hubungan rapat dengan peluang kerjaya dan reputasi program pengajian yang baik dalam kalangan masyarakat.

7.0 PENUTUP

Secara keseluruhan, berdasarkan analisis dapatan faktor tarikan pemilihan pelajar ke program pengajian di FPPI menunjukkan faktor utama yang mempengaruhi pelajar dalam memilih program pengajian dalam bidang pengajian Islam di FPPI, KUIS adalah program pengajian yang ditawarkan mempunyai kesepaduan ilmu dunia dan akhirat dan lebih menjurus kepada bidang agama. Ia juga bersifat kompetitif dan berdayasaing dengan pasaran semasa. Berdasarkan persepsi positif dan faktor tarikan program pengajian boleh dinilai sebagai sudah mempunyai kedudukan yang kukuh dalam arena yang tersendiri berikutan reputasinya yang baik dalam kalangan masyarakat setempat. Justeru, FPPI wajar menumpukan perhatian kepada aspek pembangunan dan penawaran program-program baharu dengan mengekalkan kualiti sedia ada dengan penambahbaikan seiring keperluan semasa.

8.0 RUJUKAN

- Abd Hair et al. (2012). Faktor Tarikan Pelajar Siswazah Antarabangsa ke Universiti Penyelidikan di Malaysia. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space* 8 (6). 32-41
- Gay, L. R. (1996). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*.
- James R. et. al (t.t). *Perceptions Of New College Students: A Study Of One Universitiy*
- Jamil Ahmad. (1993). *Tinjauan Kekangan-kekangan dalam Pelaksanaan Sains KBSM di Sekolah-sekolah Menengah di negeri Kedah Darul Amal*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Sizes for Research Activities*. *Educational and Psychological Measurement*, 607-610.
- M. Y. Yuzainee. A.R. Fadhilah. B. Faridah. (2011). *Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar dalam Memilih Universiti: Kajian Kes*. 1st International Symposium On Conducive Learning Environment For Smart Scholl (CLES) 17 Jan 2011.
- Neuman, W. L. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Allyn & Bacon.
- Norzihah Jusoh. (2006). *Kajian Mengenai Faktor-faktor Pemilihan Pelajar Matrikulasi Ke Universiti Tempatan (IPTA) dan Kursus Pendidikan*. UTM
- Parasuraman, A., Zeithaml, V. A. & Berry, L.L. (1988). *SERVQUAL: a Multi-Item Scale For Measuring Consumer Perceptions Od Service Quality*. *Journal of Retailing*. 49 (1). 12-40
- Rahmatunnisah et al. (2014). *Faktor Pendorong Kemasukan Pelajar Baharu Ke Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*. *Prosiding Ist International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC) 17-18 Nov 2014.*